

# Karnival MI2010 di Batu Pahat



Oleh **ASHRIQ FAHMY AHMAD.**  
ashriq.ahmad@utusan.com.my

**K**ARNIVAL Malaysia Inovatif (MI 2010) bagi Zon Timur yang diadakan pada 30 dan 31 Julai lepas di Kuala Terengganu kini kembali menemui orang ramai namun beralih ke selatan tanah air.

Karnival MI2010 bagi Zon Selatan yang dijadualkan diadakan di Pagoh sebelum ini beralih tempat ke Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Batu Pahat, Johor pada 25 dan 26 September ini.

Apa yang pasti, segala aktiviti menarik berkenaan sains serta teknologi pasti mengujakan sesiapa jua yang datang berkunjung ke sana.

Karnival yang bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan pemikiran kreatif dan memupuk budaya inovasi di kalangan rakyat ke arah penghasilan kekayaan, penjaan ilmu dan kesejahteraan rakyat dengan matlamat melahirkan satu negara yang inovatif.

Antara kumpulan yang disasarkan meliputi semua lapisan masyarakat iaitu golongan orang kurang upaya (OKU), wanita, belia, pelajar sekolah, komuniti, penduduk bandar dan luar bandar, penyelidik, badan bukan kerajaan dan swasta.

Karnival tersebut yang dianjurkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Johor dan Rakan Inovatif akan dirasmikan oleh Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman.

Selaras dengan tema *Merayakan Kreativiti*, pelbagai program inovasi telah disusun untuk semua lapisan masyarakat seperti pertandingan inovasi masyarakat Zon Selatan, pameran produk inovasi, ceramah interaktif, bengkel inovatif dan Malam Kreativiti Muzikal.

Antara aktiviti yang diberi tumpuan pada setiap karnival adalah sesi *Bengkel Mega ke arah Rakan Inovasi* bersama Zull Design dengan kerjasama Utusan Malaysia.

Bengkel pada kebiasaannya disertai hampir 100 peserta bertujuan merungkai rahsia penggunaan alatan tertentu yang memudahkan peminat

inovasi untuk melakukan pelbagai ciptaan terbaru.

Bagi yang berminat untuk menyertai bengkel tersebut boleh mendaftar dengan mengisi borang yang disertakan.

Sebanyak enam siri ceramah interaktif dan sembilan bengkel inovatif diadakan bagi tujuan membuka minda kreativiti peserta dan melahirkan satu masyarakat yang berbudaya kreatif dan inovatif tanpa mengira umur dan jantina.

Program Malam Kreativiti Muzikal pada 25 September, bertujuan menonjolkan bakat kreativiti anak-anak muda negeri Johor dalam bidang seni.

Sementara itu, Pertandingan Kreativiti Muzikal bakal menyaksikan persaingan hebat di antara kumpulan-kumpulan yang terpilih sebagai finalis yang mana Johan pertandingan ini akan berpeluang membuat persembahan di Festival MI2010 di Bukit Jalil pada November ini.

## Program menarik MI2010 Zon Selatan

- Malam Kreativiti Muzikal sempena MI2010 Zon Selatan pada 25 September di dewan Tunku Ibrahim Ismail, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Batu Pahat, Johor.
- Majlis perasmian MI2010 Zon Selatan pada 26 September 2010 (Ahad) di Dewan Tunku Ibrahim Ismail, UTHM.
- Majlis penyampaian hadiah bagi pertandingan inovasi dan pemenang program cabaran Angkasawan 1Malaysia peringkat Zon Selatan pada 26 September di Dewan Kuliah 1, UTHM.
- Bengkel Mega Ke arah Rakan Inovasi bersama Zull Design dengan kerjasama Utusan Malaysia pada 25 September.
- Pameran Finalis Pertandingan Inovasi MI2010 Zon Selatan.
- Pameran inovasi oleh kerajaan negeri, kementerian, badan bukan kerajaan dan swasta
- Pameran bas bergerak.
- Program Cabaran Angkasawan 1Malaysia.



**KARNIVAL MI2010** yang diadakan sebelum ini termasuk di Kuala Terengganu mendapat perhatian luar biasa daripada masyarakat setempat. - Gambar hiasan

MAKLUMAT PESERTA

## Bengkel mega Ke Arah RAKAN INOVASI



**Ingin mengetahui rahsia menjadi kreatif?**

Sertai bengkel kami dan anda mungkin menjadi pencipta paling kreatif zaman ini....

Bersama **mega Utusan** MALAYSIA

Dengan Kerjasama: **ZULL DESIGN AUTOTRONIC** **MOSTI**

Tarikh: 25 September 2010 (Sabtu)

Lokasi: Dewan Peperiksaan Blok F2,  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
Batu Pahat, Johor

Nama: \_\_\_\_\_

No. Kad Pengenalan: \_\_\_\_\_ Jantina: L/P

Organisasi: \_\_\_\_\_

Alamat: \_\_\_\_\_

No. Tel: \_\_\_\_\_

Faks: \_\_\_\_\_

Emel: \_\_\_\_\_

No. dihubungi jika kecemasan: \_\_\_\_\_

• Terbuka kepada peserta berusia 15 tahun ke atas. • Semua peralatan di sediakan. • Makan minum di sediakan. • Sila sahkan pendaftaran anda dengan panggilan telefon, emel atau faks.

Untuk Pendaftaran sila hubungi:  
**Tel: Dino 03-9221 0202**  
**Faks: 03-9221 0204**  
**Emel: dino@utusan.com.my**

Masuk  
**PERCUMA**  
untuk 100  
peserta  
sahaja